

**NO. SOALAN: 168**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAKAN ]**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tiada jalan penyelesaian untuk mengelakkan keaiban di mana setiap kali timbul isu agama baru, pihak berkuasa fatwa negara dan negeri-negeri selalu menimbulkan perbezaan pendapat yang banyak mengelirukan daripada petunjuk tepat dan tegas.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Apabila sesuatu isu atau permasalahan hukum yang timbul dan ia bersifat nasional, maka Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan merupakan medium yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan bagi menyelesaikan dan menyelaraskan pandangan hukum terhadap isu-isu tersebut.

Dalam konteks ini, sebahagian besar negeri telah memperuntukkan di dalam undang-undang dan enakmen negeri masing-masing, bahawa isu-isu yang bersifat nasional hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi membincang dan membuat keputusan mengenainya. Apabila sesuatu pandangan hukum telah dibuat, maka negeri-negeri adalah disyorkan supaya menerima pakai pandangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan memandangkan ia telah diputuskan secara bersama (*consensus*) termasuk para Mufti yang menganggotai Jawatankuasa tersebut.

Namun, diakui bahawa berlaku perbezaan pandangan hukum dan fatwa di antara pihak berkuasa fatwa di negara ini. Ini kerana perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama termasuk fatwa adalah di bawah bidang kuasa negeri. Walau bagaimanapun, perbezaan yang berlaku adalah dalam skala yang kecil berbanding persamaan dan keselarasan pandangan hukum dan fatwa dalam pelbagai isu.

Sekian, terima kasih.